



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

PUTRAJAYA, 2 Mac 2017 - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ingin merujuk kepada artikel di dalam Malaysiakini (www.malaysiakini.com) bertajuk "*Alarm Bells Over Halting of Free Mammogram Screening*" bertarikh 25 Februari 2017.

Program Subsidi Ujian Mamogram telah mula dilaksanakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada Mei 2007 dengan peruntukan khas sebanyak RM29.2 juta. Program ini disasarkan kepada wanita Malaysia atau penduduk tetap yang berisiko tinggi berumur 40-70 tahun dan berpendapatan RM5,000.00 dan ke bawah. Wanita yang layak akan dirujuk ke Pusat Mamogram yang berdaftar dengan LPPKN di bawah program ini.

Di awal pelaksanaan program ini, pemberian subsidi sebanyak RM50.00 diberikan kepada wanita yang berpendapatan RM5,000 dan ke bawah sahaja. Manakala bagi wanita yang berdaftar dengan Baitulmal, Jabatan Kebajikan Masyarakat atau didaftarkan di bawah program khas seperti hari ibu, hari bapa, hari penduduk layak mendapat subsidi percuma.

Bagi meluaskan akses wanita mendapat manfaat di bawah program ini, dan keprihatinan kerajaan tentang kesihatan rakyat, bermula pada 19 Oktober 2011 perubahan kadar pemberian subsidi telah dilaksanakan di mana, wanita yang berpendapatan isi rumah RM5,000.00 dan ke bawah layak untuk mendapat saringan ujian mamogram secara percuma. Manakala wanita yang berpendapatan isi rumah melebihi RM5,000.00 ke atas diberi subsidi RM50.00.

Selain itu, memandangkan kes kanser payudara kini mulai di kesan pada umur yang lebih muda, kerajaan meluluskan mulai 15 Februari 2012, wanita yang berumur 35-39 tahun, yang mempunyai sejarah keluarga menghidap kanser payudara boleh mendapatkan subsidi ini setelah menjalani pemeriksaan doktor.

Namun kerana kos taraf hidup yang semakin tinggi dan peka terhadap keperluan rakyat, pada Mei 2014, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah meluluskan perubahan syarat kelayakan daripada segi pendapatan isi rumah telah diperbaharui. Wanita berpendapatan isi rumah RM10,000 dan ke bawah layak untuk mendapat saringan ujian mamogram secara percuma. Manakala wanita yang berpendapatan isi rumah melebihi RM10,000.00 ke atas diberi subsidi RM50.00.

Bagi mencapai sasaran golongan luar bandar yang amat memerlukan perkhidmatan ini, kerajaan telah memanjangkan kemudahan tambahan mulai tahun 2012 iaitu :

- **Penyediaan pengangkutan percuma** dari Klinik Nur Sejahtera LPPKN atau Pusat Komuniti ke pusat-pusat mamogram untuk menjalani ujian mamogram.
- **Bantuan elaun makan** sejumlah RM5.00 seorang bagi klien yang dirujuk untuk menjalani ujian mamogram di Pusat-pusat Mamogram yang jauh iaitu melebihi 300km atau bagi perjalanan yang melebihi 4 jam.
- **Bantuan kemudahan penginapan** tidak melebihi RM100 sehari bagi klien yang tidak dapat menyelesaikan urusan mamogram pada hari yang sama.

Sejak beberapa tahun yang lepas, sambutan yang diberikan oleh orang ramai sangat menggalakkan dan terdapat kerjasama yang mantap dari pusat mamogram swasta. Pada Julai 2016 disebabkan kuota sasaran 2016 telah dipenuhi dan peruntukan untuk

tahun 2016 pun telah pun habis dibelanjakan, program ini ditutup awal dari yang dijangka. Sebanyak **331,048** ujian mamogram telah dijalankan sejak Mei 2007 sehingga Julai 2016 di 67 pusat mamogram yang berdaftar dengan LPPKN.

Pada hujung tahun 2016, kerajaan telah mengumumkan bajet sebanyak 30 juta untuk kedua-dua Program Subsidi Mammogram dan Program Vaksinasi HPV. Pihak LPPKN telah menjalankan kerja-kerja persediaan untuk memulakan program ini sejak bulan November 2016 lagi. Kerja-kerja ini melibatkan penyambungan kontrak baru dengan pusat mamogram swasta yang akan mengambil sedikit masa. Selain itu, pusat mammogram tersebut perlu melalui pengauditan dari College of Radiology (COR) semula. Hasil dari kerja-kerja pentadbiran tersebut, program subsidi mammogram ini hanya dapat dimulakan mulai 6 Mac 2017. 10 buah pusat mamogram dilantik sehingga kini iaitu yang masih mempunyai kontrak dengan LPPKN (Lampiran 1). Proses pengauditan dan perlanjutan kontrak bagi pusat yang lain sedang aktif dijalankan.

Selaras dengan bajet untuk program mamogram yang diterima pada Januari lepas, LPPKN telah menetapkan sasaran sebanyak 12,000 klien wanita. Pelaksanaan pada tahun ini memfokus kepada golongan wanita dari kawasan luar bandar. Walau bagaimana pun sasaran ini akan dikaji semula (iaitu ditambah) apabila baki peruntukan diterima pada masa akan datang.

Disediakan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

LAMPIRAN 1

10 BUAH PUSAT MAMMOGRAM YANG BERJAYA DILANTIK

1. Beacon International Specialist Centre Sdn. Bhd, Petaling Jaya, Selangor
2. Hospital Pantai Cheras, Kuala Lumpur
3. Amanjaya Specialist Centre Sdn. Bhd, Kedah
4. Pusat Diagnostik Anda, Pulau Pinang.
5. Hospital Pakar Pulau Pinang, Pulau Pinang
6. BP Diagnostik Centre (Ipoh), Perak
7. Mahkota Medical Centre, Melaka
8. Hospital Pantai Ayer Keroh, Melaka
9. KPJ Puteri Johor Bahru, Johor Bahru
10. Jesselton Medical Centre, Sabah